

JAWATAN: PEGAWAI PERUBATAN GRED UD47

Kumpulan : **Pengurusan dan Profesional**

Jadual Gaji : **RM5,211.00 – RM11,769.00**

Taraf Jawatan : **Tetap**

SYARAT LANTIKAN

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) (i) Ijazah Sarjana Muda dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.; atau
(ii) Calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.
(Gaji permulaan lantikan pada Gred UD47 : RM5,211.00)
- b) Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

- 2) Calon yang mempunyai pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan akan diberi keutamaan.
- 3) Penempatan adalah di **Pusat Kesihatan Universiti, UPM**.

RINGKASAN TUGAS

- Bertanggungjawab memeriksa dan merawat pesakit.
- Menjalankan tugas atas panggilan (*on-call*).
- Menyediakan laporan-laporan berkaitan.
- Menyampaikan ceramah-ceramah berkaitan.
- Memberikan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam bidang perubatan dan kesihatan dari segi pencegahan diagnostik, perawatan dan pemulihan bagi mengawal dan mempertingkatkan taraf kesihatan warga universiti dan masyarakat setempat.